

17/07/2002

Puteri anggap tindakan ganas Pas ujian baru

reports on "Pilihan Raya Kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit" by ALOR STAR, Selasa - Puteri Umno menganggap tekanan tindakan ganas dan tidak senonoh penyokong pembangkang pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, sebagai ujian baru kepada pergerakan itu.

Ketua Penajanya, Azalina Othman, berkata Puteri Umno sudah menjangka tekanan yang bakal dihadapi ketika berkempen tetapi tidak terfikir sehingga membabitkan peristiwa keterlaluan seperti menunjukkan kemaluan.

Beliau berkata, pilihan raya kecil kali ini berbeza berbanding Indera Kayangan di Perlis, Januari lalu dari segi komposisi pengundi dan pilihan raya ini menguji kali pertama pembabitannya dalam kawasan majoriti Melayu.

Di Indera Kayangan, komposisi pengundi Melayu dan Cina adalah seimbang.

Selain itu, katanya, bentuk penentangan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang bertanding di Indera Kayangan adalah berbeza dengan Pas pada pilihan raya kecil kali ini.

"Bagi kita (Puteri) ini ujian paling hebat kerana ini kawasan Melayu dan kami bersyukur diberi peluang menguji kemampuan dan akan belajar daripada strategi yang dibuat," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian, semalam.

Puteri Umno yang bertindak cemerlang membantu kempen Barisan Nasional (BN) di Indera Kayangan, menghadapi pelbagai rintangan, termasuk diugut dan ditakutkan.

Dalam kejadian terbaru, seorang lelaki didakwa menyelak kain sehingga menunjukkan kemaluan kepada ahli Puteri Umno yang berkempen dari rumah ke rumah di Anak Bukit.

"Bagaimanapun, Puteri harus bersedia dari segi mental dalam pilihan raya ini dan kali ini kita melihat wajah sebenar parti Pas," katanya.

"Sebelum ini kita hanya mendengar Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) bercakap mengenainya. Jadi saya bersyukur sebab mereka dapat tengok sendiri.

"Mereka akan menyedari bahawa budaya yang dibawa oleh Pas adalah budaya songsang. Pas adalah parti songsang," katanya.

Mengenai serangan terhadap peribadinya dalam kempen kali ini, Azalina berkata ia dilakukan kerana pembangkang terdesak.

"Bagaimanapun, saya tidak tahu mereka begitu terdesak sekali. Mereka pasang poster saya sedangkan saya bukan calon, tetapi saya ditentang dan sama seperti Puteri ditentang.

"Alhamdulillah selepas 12 bulan kewujudan Puteri, kami diterima sebagai satu pergerakan dan menunjukkan pendekatan kita berkesan dalam gerakan Umno," katanya.

Beliau berkata, Puteri melihat cabaran sewaktu berkempen ketika pilihan raya ini sebagai positif dan membuktikan kewujudannya diiktiraf pembangkang.

"Tindakan mereka menghina dan memalukan kita menunjukkan pendekatan Puteri memang benar dan berkesan. Ini kita mahu Puteri tengok. Mereka melihat apa Pas sebenarnya," katanya.